

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1521-L08770
Datuk Noraini Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sektor ekonomi baharu yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan di negeri Sabah menerusi pelaburan asing serta apakah perancangan khusus yang telah dijalankan bagi merealisasikan agenda tersebut dengan mengambil kira kemungkinan berlakunya krisis ekonomi global pada tahun ini.
2. PN-1521-L08957
Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian kewangan Kerajaan berhubung dakwaan ketirisan tadbir urus melibatkan RM 3 bilion hingga RM 4 bilion di Kementerian Kewangan seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Menteri Kewangan sendiri ketika Majlis Dialog Belanjawan 2023 memandangkan dakwaan ini menjejaskan keyakinan pelabur terhadap negara kita.
3. PN-1521-L08780
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi mempersiapkan rakyat untuk mendepani isu kos sara hidup yang dijangka bakal lebih serius bermula tahun ini.
4. PN-1521-L08832
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menggalakkan inisiatif perkebunan perumahan di mana penduduk taman perumahan dapat menjalankan aktiviti perkebunan di tanah lapang kepunyaan Kerajaan.

5. PN-1521-L09001
Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keselamatan di sempadan negara dengan membina pos di tempat yang strategik dan juga menambah aset kekuatan keselamatan negara terutamanya di stesen-stesen hidroelektrik seperti di Stesen Hidro Bakun, Stesen Hidro Murum, Stesen Hidro Baleh dan Stesen Hidro Batang Air di Sarawak yang berdekatan dengan sempadan antarabangsa Kalimantan Borneo.

6. PN-1521-L08889
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) agar setanding dengan sekolah-sekolah di luar negara seperti Singapura memandangkan kurikulum kedua-dua negara dilaporkan setara supaya negara dapat menghasilkan murid yang mempunyai kebolehan yang setanding.

7. PN-1521-L08494
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan serta cara pelaksanaan untuk meneruskan momentum pemulihan ekonomi Malaysia menghadapi kelembapan ekonomi global akibat kesan tekanan inflasi berterusan, pertumbuhan ekonomi domestik perlahan dan kitaran peningkatan kadar faedah pada tahun 2023.

8. PN-1521-L08612
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pengusaha-pengusaha bot laut menggunakan tenaga kerja tempatan.

9. PN-1521-L08732
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah penderaan kanak-kanak yang tiada kesudahan.

10. PN-1521-L08947
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status berkenaan dengan pembatalan pembangunan stadium baharu di Kelantan dan juga penutupan Kompleks Kolam Renang di Muar, Johor.

11. PN-1521-L08657
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status, impak dan statistik terkini syarikat-syarikat yang diwujudkan di bawah universiti-universiti awam di Malaysia.
12. PN-1521-L08495
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional di sebalik keperluan peniaga trak makanan (food truck) diwajibkan menjalani pemeriksaan berkala setiap enam bulan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer yang turut dikenakan caj sebanyak RM60 serta adakah Kementerian bersedia bagi menampung kos ini bagi peniaga yang tidak berkemampuan.
13. PN-1521-L08670
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti tarikan-tarikan pelancong baharu di Sarawak yang berpotensi bukan sahaja menarik pelancong dari dalam mahu pun dari luar negara malah dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitarnya.
14. PN-1521-L08637
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian pada ketika ini merancang untuk menambah perjawatan pegawai dan kakitangan dalam Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia.
15. PN-1521-L08867
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah munasabah tindakan untuk boikot negara Eropah dengan menghentikan bekalan kelapa sawit ke negara-negara Eropah apabila bekalan ini berkemungkinan mampu digantikan dengan komoditi daripada kelapa.
16. PN-1521-L08571
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha dan perancangan jangka masa pendek dan panjang yang direncanakan oleh pihak Kementerian dalam membangunkan ekonomi dan pendapatan rakyat negeri Perlis terutamanya para peniaga di Wang Kelian yang merupakan sempadan negara yang semakin mundur ke belakang.

17. PN-1521-L08841
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah dengan pelaksanaan rangkaian internet 5G, kawasan liputan capaian internet laju akan diperluaskan ke kawasan pedalaman di Sarawak, terutamanya ke semua sekolah dan rumah panjang, atau akan tertumpu di kawasan berkepadatan penduduk tinggi sahaja.
18. PN-1521-L08452
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah piawai jalan raya yang digunakan bagi pembinaan jalan raya Central Spine Road (CSR) terutamanya jajaran dari Bentong ke Raub dalam negeri Pahang yang sedang digunakan sekarang.
19. PN-1521-L08440
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembaikan pulih bangunan sekolah usang dan berapakah jumlah keseluruhan mengikut negeri dan bilangan sekolah yang telah dibaiki.
20. PN-1521-L08411
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan yang disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) tahunan dan adakah PICC masih menjana pendapatan kepada Kerajaan melalui sewaan daripada pihak Kerajaan dan swasta.
21. PN-1521-L08719
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) Adakah terdapat sebarang usaha oleh pihak Kementerian dalam menguatkuasakan e-Scooter dan e-Bicycle dari segi perundangan; dan
 - (b) Bagaimanakah pihak Kementerian akan memastikan keselamatan pengguna jalan raya yang lain terjamin dalam persekitaran yang mempunyai e-Scooter dan e-Bicycle.
22. PN-1521-L08811
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dengan agensi-agensi berkaitan untuk menyelesaikan isu banjir berulang terutamanya di kawasan-kawasan 'hotspot' banjir.

23. PN-1521-L08622

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar gaji minimum dan gaji permulaan bagi golongan siswazah tidak mendakap realiti kos sara hidup yang tinggi yang selanjutnya menyebabkan ramai graduan terutamanya di kawasan bandar terkesan dan bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa gaji permulaan para graduan menepati keadaan pasaran.

24. PN-1521-L08754

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi mewujudkan transit aliran ringan di bandar-bandar selain Lembah Klang.

25. PN-1521-L08603

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah murid yang tidak boleh menguasai 3M dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan murid-murid ini tidak tercicir dalam mata pelajaran lain.

26. PN-1521-L08791

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan persekutuan akan membayar wang royalti minyak melalui Perbendaharaan Negeri Kelantan.

27. PN-1521-L08848

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha menangani isu perkhidmatan feri di Langkawi yang terhad dan terbatas memandangkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) akan berlangsung tidak lama lagi dan bakal menarik pertambahan pengunjung untuk berkunjung ke Langkawi pada masa itu.

28. PN-1521-L08470

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam menangani masalah inflasi makanan di Malaysia iaitu 3.8%, dengan 93% barang makanan merekodkan kenaikan harga dan amat membebankan rakyat.

29. PN-1521-L08391
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif berkaitan reformasi penjawat awam yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dan adakah terdapat sebarang kajian unjuran keperluan bilangan agensi, jabatan dan Kementerian yang telah dilaksanakan serta apakah hasil kajian tersebut.
30. PN-1521-L08919
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik dan pengesanan jumlah pelajar di sekolah rendah dan menengah yang masih tidak menguasai teknologi ICT serta penggunaan peranti digital dan apakah usaha Kerajaan menangani isu ini terutamanya terhadap kumpulan pelajar B40 yang berada di bandar mahupun di luar bandar.
31. PN-1521-L08400
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan polisi Kementerian berkaitan staf Kementerian yang memberikan kenyataan/keterangan berkaitan situasi fasiliti perubatan/kesihatan kepada media dengan namanya dirahsiakan dan adakah benar Kementerian sedang menyasat staf sendiri berkaitan kajian yang dibuat sesetengah pihak media seperti 'Code Blue' baru-baru ini.
32. PN-1521-L08508
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah model pendidikan yang baik dan berkesan daripada negara lain yang boleh diadaptasikan untuk diguna pakai di Malaysia.
33. PN-1521-L08533
Datuk John Ambrose minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada pesakit COVID-19 dan mereka yang telah kehilangan ahli keluarga akibat COVID-19.
34. PN-1521-L08694
Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini sistem capaian internet di sekolah luar bandar terutama untuk kelancaran pendidikan secara 'online' dalam keadaan norma baharu ini dan berapakah jumlah statistik sekolah kawasan luar bandar yang belum mendapat capaian internet.

35. PN-1521-L08583

Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa bagi penubuhan Majlis Austime Kebangsaan serta adakah Kerajaan bercadang bagi mewujudkan satu pelan tindakan khas kesejahteraan OKU austisme dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan fungsi hospital bagi rawatan autisme.

36. PN-1521-L08526

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan bersepadu bersama Kementerian Kesihatan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi memantau secara berkala keadaan fizikal kantin serta dewan makan sekolah yang boleh memberi kesan terhadap kebersihan makanan serta minuman yang disediakan kepada anak-anak pelajar.

37. PN-1521-L08985

Datuk Paul Igai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah jumlah penyakit kencing manis semakin meningkat dan apakah ubat terkini yang dihasilkan bagi mengatasi penyakit ini; dan
- (b) apakah pendirian Kementerian tentang kelulusan oleh 'Food and Drug Authority' (FDA) Amerika Syarikat yang menyatakan satu terapi baharu yang boleh memperlambatkan permulaan penyakit Diabetes Jenis 1.

38. PN-1521-L08679

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keselamatan di sempadan Negara terutama di Kelantan dengan memasang pagar di sepanjang sempadan agar kes penyeludupan dapat dikekang.

39. PN-1521-L08746

Datuk Noraini Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha reformasi yang sedang dilaksanakan terhadap FELCRA dan RISDA ke arah menjadikan kedua-dua entiti tersebut sebagai penjana ekonomi negara di peringkat global terutamanya menerusi aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh menyumbang kepada keterjaminan makanan di samping kemapanan sektor minyak sawit tempatan.

40. PN-1521-L08879
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kemajuan terkini tindakan penambahbaikan yang dilakukan oleh syarikat yang menyediakan perkhidmatan kad Touch 'n Go sepertimana yang diarahkan Kementerian dan apakah halangan untuk Kementerian membuka perkhidmatan ini agar pengguna boleh memilih untuk menggunakan platform bayaran yang lain seperti kad kredit semasa membayar tol.
41. PN-1521-L08899
Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ia lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA.
42. PN-1521-L08961
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian tentang hak aset negara Malaysia di perairan Sabah dan Sarawak di Laut China Selatan terutama sekali aset minyak negara di perairan Sarawak dari sudut ekonomi, aktiviti eksplorasi serta perniagaan PETRONAS turut diancam oleh pencerobohan asing.
43. PN-1521-L08550
Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan jangka pendek Jabatan Kerja Raya (JKR) terhadap usaha membaik pulih jalan-jalan Persekutuan di Negeri Sembilan khususnya jalan-jalan yang telah dikenal pasti berisiko tinggi untuk mengalami kerosakan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.
44. PN-1521-L08479
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai sebenar hutang negara pada ketika ini memandangkan pada Jun 2022, hutang statutori mencatat 60.4% daripada KDNK dan bagaimanakah Kementerian mengurus hutang negara supaya tidak mencapai melebihi ke paras 65% daripada KDNK.
45. PN-1521-L08647
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan garis panduan perlombongan unsur nadir bumi (REE) yang selaras bagi seluruh negeri yang memiliki mineral ini.

46. PN-1521-L08712

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah berlakunya pemanjangan waktu operasi kesihatan pada pengumuman bajet baru ini, dan adakah akan diselaraskan juga kadar elaun tuntutan pemanjangan waktu 'claim extended' ini kepada mereka yang bertugas.

47. PN-1521-L08802

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah urutan keutamaan kepada Malaysia Madani dan berapakah tempoh sasaran kepada urutan tersebut.

48. PN-1521-L08822

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha menarik minat belia untuk terlibat dalam politik dan pembangunan negara secara aktif.

49. PN-1521-L08909

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai insentif-insentif yang diberikan kepada pihak swasta bagi tujuan menubuhkan pusat-pusat penjagaan warga emas kos sederhana dan rendah.

50. PN-1521-L08592

Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dalam memastikan sekurang-kurangnya ada seorang wakil Orang Kurang Upaya (OKU) di setiap PBT serta usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu OKU di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

51. PN-1521-L08929

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status COVID-19 di dalam dan luar negara dan adakah Negara masih lagi dibelenggu dengan wabak COVID-19 memandangkan keadaan seluruh dunia seolah-olah sudah pulih daripada serangan wabak COVID-19.

52. PN-1521-L08988

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jemaah Menteri pada tahun 2019 telah menyatakan persetujuan terhadap kenyataan bekas Peguam Negara yang menyatakan rasa kesal terhadap tindakan Kerajaan untuk menghentikan bayaran pampasan tahunan kepada kumpulan Sulu.

53. PN-1521-L08977

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana komitmen pemegang taruh daripada pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET daripada 35% ke 55%.

54. PN-1521-L08456

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Hospital Wilayah yang akan diwujudkan di Sarawak dan bilakah langkah ini akan bermula.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah, (27 Mac 2023)

2. *(D.R. 1/2023) Rang Undang-undang Pencetakan teks Al-Quran (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]
3. *(D.R. 2/2023) Rang Undang-undang Perbekalan 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
4. *(D.R. 3/2023) Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
5. *(D.R. 4/2023) Rang Undang-undang Kewangan 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
6. *(D.R. 5/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Perdana Menteri]
7. *(D.R. 6/2023) Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Perdana Menteri]
8. *(D.R. 7/2023) Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Perdana Menteri]
9. *(D.R. 8/2023) Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Perdana Menteri]

- | | | |
|-----------------------|--|-------------------------------|
| 10. *(D.R. 9/2023) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 11. *(D.R. 10/2023) | Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 12. *(D.R. 11/2023) | Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 13. *(D.R. 12/2023) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 14. *(D.R. 13/2023) | Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023

[Perdana Menteri] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 15. *(D.R. 14/2023) | Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023

[Perdana Menteri] | Bacaan Kali Yang Kedua |

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.